

17/11/1998

Krisis ekonomi jadi isu utama

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri Australia, John Howard berharap Sidang Kemuncak Apec bermula esok dapat mengambil tindakan lebih konkrit bagaimana menangani krisis ekonomi yang hampir melumpuhkan beberapa negara terutama di rantau ini.

Menurutnya, perkara terbaik yang boleh diputuskan oleh mesyuarat ini ialah menggariskan corak pentadbiran ekonomi dan kewangan yang lebih baik kerana beberapa negara terbabit belum berpengalaman dalam hal berkenaan.

"Perkara terbaik yang boleh diputuskan di sini ialah membabitkan pentadbiran ekonomi dan kewangan. Ini adalah masalah yang dihadapi beberapa negara rantau ini.

"Antara kekurangan mereka ialah ketidakcekapan pentadbiran struktur kewangan, muflis dan pengawalseliaan peraturan," katanya selepas mengadakan mesyuarat dua hala dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Mengenai hubungan Malaysia-Australia, Howard mengaku hubungan kedua-dua negara memang kadang kala tegang akibat berbeza pendapat di kalangan pemimpin kedua-dua pihak.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu adalah biasa dan kerana itu mesyuarat seperti perbincangan dua hala yang diadakan hari ini, penting bagi memperbaiki hubungan.

"Saya sentiasa menjaga hubungan dengan Malaysia. Terdapat 150,000 pelajar Malaysia di Australia, kerana itu hubungan baik antara negara adalah penting," katanya.

(END)